

**GARIS PANDUAN GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA  
(GPKS)**



**GARIS PANDUAN  
GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA (GPKS)**

**JABATAN HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

# **GARIS PANDUAN GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA (GPKS)**

## **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi keterangan dan penjelasan mengenai syarat-syarat kelayakan dan prosedur permohonan kepada pihak-pihak yang ingin memohon peruntukan Geran Pembangunan Kesatuan Sekerja (GPKS), Kementerian Sumber Manusia bagi melaksanakan Mesyuarat Agung Pertama, Latihan dan Pendidikan serta Pembangunan Laman Web Kesatuan.

## **2.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

- i. Pihak yang **LAYAK** diberi pertimbangan adalah seperti berikut:
  - a. Semua kesatuan sekerja yang berdaftar di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959.
  - b. Memenuhi kelayakan permohonan dalam Syarat-Syarat Am dan Tambahan bagi kategori geran yang dipohon (rujuk para 7.0).
  
- ii. Pihak yang **TIDAK LAYAK** diberi pertimbangan adalah seperti berikut:
  - a. Kesatuan yang tidak berdaftar di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959.
  - b. Telah dibatalkan oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.
  - c. Tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

## **GARIS PANDUAN GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA (GPKS)**

- iii. Program yang **LAYAK** dipertimbangkan adalah seperti berikut:
  - a. Selaras dengan objektif dan perlembagaan kesatuan sekerja.
  - b. Menampung perbelanjaan mengurus dan penyelenggaraan program.
  - c. Memberi manfaat kepada anggota kesatuan sekerja.
  
- iv. Program yang **TIDAK LAYAK** dipertimbangkan adalah seperti berikut:
  - a. Melibatkan pembelian harta, modal/aset seperti bangunan, kenderaan, komputer dan yang seumpamanya.
  - b. Program yang bermotifkan keuntungan/pinjaman untuk kesatuan.
  - c. Memperuntukkan bayaran gaji, elaun dan yang seumpamanya.
  - d. Lawatan sama ada di dalam atau luar negara.
  - e. Menimbulkan isu perkauman dan lain-lain isu sensitif.
  - f. Melibatkan perbelanjaan mewah, contohnya menganjurkan program di hotel-hotel mewah yang jauh dari tempat tinggal peserta.

## **GARIS PANDUAN GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA (GPKS)**

### **3.0 PROSEDUR PERMOHONAN**

Kesatuan yang memohon hendaklah mematuhi Syarat-Syarat Am dan Syarat Tambahan seperti berikut:

- a. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Geran Pembangunan Kesatuan Sekerja (Borang GPKS 1/2020) yang boleh diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS), Putrajaya, Pejabat-Pejabat JHEKS Wilayah/Negeri atau boleh dimuat turun melalui laman web [jheks.mohr.gov.my](http://jheks.mohr.gov.my) berserta garis panduan.
- b. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Ibu Pejabat Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja, Putrajaya.
- c. Tarikh akhir bagi mengemukakan permohonan adalah pada 30 September 2020.
- d. Permohonan disertakan dengan Sijil Pendaftaran Kesatuan Sekerja (Borang D) dan semua dokumen sokongan mengikut kategori geran.
- e. Borang permohonan ditandatangani oleh Setiausaha Agung / Setiausaha Cawangan / Setiausaha Penaja kesatuan dengan cop kesatuan.

## **GARIS PANDUAN GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA (GPKS)**

- f. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- g. Semua permohonan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Panel Penilai/Pelulus.

### **4.0 TARIKH PELAKSANAAN PROGRAM**

Tarikh pelaksanaan program bermula Januari hingga Disember 2020.

### **5.0 PROSEDUR SELEPAS PERMOHONAN DILULUSKAN**

Penerima geran perlu mengambil tindakan seperti berikut selepas permohonan diluluskan:

- a. Surat tawaran akan dikeluarkan oleh JHEKS kepada penerima geran dan penerima geran hendaklah mengembalikan Surat Setuju Terima Tawaran yang telah dilengkapkan dalam masa empat belas hari (14) dari tarikh surat tawaran.
- b. Kesatuan hendaklah mempunyai akaun kesatuan (Induk dan Cawangan).
- c. Pembayaran geran akan dibuat melalui *Electronic Fund Transfer (EFT)* kepada penerima geran setelah semua prosedur di atas dipatuhi.

## **GARIS PANDUAN GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA (GPKS)**

### **6.0 PENGIFTIRAFAN KEPADA KERAJAAN**

Program kesatuan sekerja yang dibiayai melalui GPKS sewajarnya memberi pengiktirafan kepada kerajaan dengan menyatakan di tempat yang sesuai contohnya pada buku aturcara bahawa program berkenaan adalah anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja, Kementerian Sumber Manusia.

### **7.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

#### **(A) Syarat-Syarat Am permohonan GPKS:**

- i. Pemohon mestilah sebuah kesatuan sekerja yang berdaftar di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959.
- ii. Mengemukakan dua (2) salinan asal permohonan menggunakan borang GPKS 1/2020 yang boleh diperolehi di Ibu Pejabat JHEKS, W.P Putrajaya, atau mana-mana Pejabat Wilayah/Negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak atau dimuat turun di laman web [jheks.mohr.gov.my](http://jheks.mohr.gov.my).
- iii. Mengemukakan salinan Sijil Pendaftaran Kesatuan Sekerja (Borang D).
- iv. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Ibu Pejabat, JHEKS Putrajaya.
- v. Kesatuan boleh mengemukakan lebih daripada satu (1) permohonan bagi mana-mana kategori.

## **GARIS PANDUAN GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA (GPKS)**

- vi. Kesatuan telah mengemukakan Penyata Tahunan (Borang N) terkini.
  - vii. Kesatuan telah mengemukakan Notis Perubahan Pegawai (Borang L) terkini.
  - viii. Kesatuan telah mengadakan Mesyuarat Agung/Persidangan Perwakilan terkini.
  - ix. Pemohon yang berjaya hendaklah menandatangani Surat Setuju Terima Tawaran dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat tawaran.
  - x. Tarikh tutup permohonan adalah pada 30 September 2020.
- (B) Syarat-syarat tambahan permohonan GPKS mengikut kategori adalah seperti berikut:
- (a) ***Assembly Start – Up***
- i. Kesatuan telah mematuhi syarat-syarat am (syarat am vi, vii & viii adalah di kecualikan).
  - ii. Kesatuan yang baharu didaftarkan dan belum mengadakan Mesyuarat Agung/Pemilihan Pegawai pertama dalam tahun 2020.

## **GARIS PANDUAN GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA (GPKS)**

- iii. Menetapkan tarikh Mesyuarat Agung Pertama dalam tempoh 6 bulan selepas didaftarkan.
  - iv. Kesatuan yang tidak mematuhi syarat (ii) perlu mengemukakan alasan kegagalan pematuhan Mesyuarat Agung Pertama.
- (b) Latihan dan Pendidikan (Kursus / Bengkel / Seminar / Konvensyen dan Iain-lain)**
- i. Kesatuan telah mematuhi syarat-syarat am.
  - ii. Latihan dan Pendidikan perlu diadakan di Malaysia.
  - iii. Penglibatan peserta hendaklah sekurang-kurangnya 50 orang yang terdiri daripada anggota kesatuan sekerja. Bagi kesatuan yang mempunyai keanggotaan kurang daripada 50 orang, kelulusan permohonan tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Panel Penilai/ Pelulus.
  - iv. Program yang dicadangkan hendaklah boleh memberi faedah dan manfaat kepada anggota kesatuan.
  - v. Memperuntukkan satu slot ceramah untuk Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja.

## **GARIS PANDUAN GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA (GPKS)**

### **(c) Pembangunan Laman Web**

- i. Kesatuan telah mematuhi syarat-syarat am.
- ii. Kesatuan tidak mempunyai laman web.
- iii. Kos penyelenggaraan ditanggung oleh kesatuan (contoh *domain, storage* dan lain-lain yang berkenaan).
- iv. Pautan ke laman sesawang [jheks.mohr.gov.my](http://jheks.mohr.gov.my)